



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000  
Faks : 605 527 7273  
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

### “PENDIDIKAN BERKUALITI, SEKOLAH UNGGUL, MURID HOLISTIK”

Ruj. Kami : JPNPk.SPM.KOKU.600-3/1 Jld.5 (45)  
Tarikh : 20 Zulkaedah 1443H.  
20 Jun 2022

Young Buddhist Association Of Malaysia  
No. 9, Jalan SS25/24  
Taman Mayang  
47301 Petaling Jaya  
Selangor.

Tuan,

#### KEBENARAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID BERAGAMA BUDDHA SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH DALAM KUIZ PENGETAHUAN AM AGAMA BUDDHA DALAM TALIAN 2022

Sukacita perkara di atas adalah dirujuk. Surat daripada Young Buddhist Association Of Malaysia adalah berkaitan.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa jabatan ini **tiada halangan** untuk membenarkan pihak penganjur menjalankan program tersebut. Namun begitu, ia haruslah menepati syarat-syarat berikut:

- 2.1. Persetujuan mestilah diperolehi oleh Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan.
- 2.2. Tiada unsur paksaan terhadap guru dan murid untuk menyertai program tersebut dan mestilah secara sukarela.
- 2.3. Tidak melibatkan implikasi kewangan terhadap Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah.
- 2.4. Sila patuhi ***Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10/ 2011 Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia*** serta dibaca bersama peraturan-peraturan yang terkandung dalam **SPI 24/ 1998 (Penglibatan Guru Dan Murid Dalam Aktiviti Pasukan Pakaian Seragam Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan)**.
- 2.5. Guru tersebut perlu mematuhi **SPI Bil. 8/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah)** **SPI Bil. 9/2016 dan (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah)** berhubung penggunaan masa dan peruntukkan waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut jam kredit setahun.

**KEBENARAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID BERAGAMA BUDDHA SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH DALAM KUIZ PENGETAHUAN AM AGAMA BUDDHA DALAM TALIAN 2022**

JPNPk.SPM.KOKU.600-3/1 Jld.5(45)

20 Jun 2022

- 2.6 Pihak Jabatan berhak menarik balik surat kelulusan atau kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.
- 2.7 Pihak penganjur dimohon mengemukakan **surat permohonan pengiktirafan dan satu salinan laporan** kepada Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum) untuk tujuan pengiktirafan program dan pemarkahan kokurikulum selewat-lewatnya 30 hari selepas tamat program.

3. Kebenaran ini adalah hanya untuk **PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID BERAGAMA BUDDHA SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH DALAM KUIZ PENGETAHUAN AM AGAMA BUDDHA DALAM TALIAN 2022** pada **31 Ogos 2022 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum), JPN Perak.

4. Sebarang pertanyaan, hubungi **Encik Wan Muhamad Huzairi bin Shukri, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum), JPN Perak** di talian **012-9559071**.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHAMAD SAYUTI BIN ABAS)**

Ketua Penolong Pengarah,  
Unit Pembangunan Bakat Murid,  
Sektor Pembangunan Murid,  
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

“ SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN “